

RM7j promosi insurans deposit

PIDM beri kesedaran pentingnya lindungi wang simpanan di bank

>>Oleh Efendi Badarudin

efendi@hmetro.com.my

PERBADANAN Insurans Deposit Malaysia (PIDM), syarikat penginsurans deposit nasional, memperuntukkan RM7 juta untuk kempen kesedaran awam mengenai insurans deposit.

Peruntukan itu akan digunakan bagi segmen pengiklanan dan promosi supaya rakyat Malaysia mengetahui wang simpanan mereka dijamin tidak hilang walaupun syarikat kewangan berkenaan menutup operasi perniagaan.

Sehingga kini, jumlah deposit PIDM melalui skim Jaminan Deposit Kerajaan (GDG) dianggarkan RM1 trilion membabitkan wang simpanan di semua bank



tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia.

Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam, S Loganathan (*gambar*) berkata, menerusi kaji selidik, PIDM mendapati kesedaran orang ramai meningkat kepada 27 peratus tahun lalu, berbanding 15 per-

tus tahun sebelumnya.

"Bagi mencapai tahap kesedaran 30 peratus tahun ini, PIDM menggunakan peruntukan RM7 juta itu bagi memperkasa pengiklanan dan promosi meliputi semua kaum.

"Kami jangka ia dapat menimbulkan kesedaran orang ramai secara menyeluruh, khususnya dengan memperkenalkan promosi dalam pelbagai bahasa," katanya melancarkan kempen kesedaran awam sempena Minggu Insurans Deposit Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.

PIDM ialah agensi kerajaan yang dipertanggungjawab mentadbir skim GDG menerusi kerjasama dengan Bank Negara bagi memastikan institusi kewangan dijamin ti-

dak terbabit dalam pengambilan risiko berlebihan dan kekal mempunyai modal mencukupi.

PIDM turut melancarkan kempen kesedaran awam itu melalui laman web www.pidm.gov.my dan brosur maklumat terkini.

Kandungan iklan, laman web yang diperbaharui dan brosur itu mengambil kira pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan Oktober 2008.

Mengikut jaminan itu, semua deposit mata wang asing dan ringgit di bank komersial, Islam dan pelaburan serta institusi kewangan pembangunan yang mengambil deposit melalui kawal selia Bank Negara Malaysia dijamin sepenuhnya melalui PIDM sehingga 31 Disember 2010.